

Konvensyen pendakwah muda himpun ilmuan Islam

SEREMBAN 18 Ogos - Konvensyen Pendakwah Muda Peringkat Antarabangsa yang akan diadakan bermula 20 Ogos sehingga 23 Ogos ini di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dilihat mampu memberi impak kepada pendakwah muda menjadi seorang berilmu, berkepemimpinan dan bertaqwa.

Pengarah program, Afiq Farhan Mazlan berkata, program anjuran Sekretariat Pendakwah Muda Malaysia (SPMM) USIM dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) USIM itu dijangka bakal menghimpunkan mahasiswa dari seluruh dunia terutama dari kalangan universiti ASEAN.

Sehubungan itu, tujuan utama program ini adalah bagi mencari ruang baharu kepada kebangkitan Islam agar kegemilangannya terus mekar dengan menfokuskan isu, cabaran dan realiti semasa umat Islam pada hari ini.

"Kini Islam sangat ketinggalan dari pelbagai sudut terutamanya ekonomi dan teknologi dengan konvensyen ini kita mencari apakah ruang terbaik untuk menaik-

kan semula kegemilangan Islam supaya lebih maju dari sekarang agar dapat menyaingi agama lain.

"Selain itu, konvensyen ini juga bagi mewujudkan jaringan antara pemimpin mahasiswa di peringkat antarabangsa agar kita dapat berkongsi idea dan pendapat terutama dalam membangunkan modal insan yang berkualiti di kalangan Universiti Awam Malaysia," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Menurut Afiq, konvensyen itu memfokuskan dua program utama iaitu persidangan dan seminar.

"Bagi persidangan akan mengumpulkan perbincangan antara mahasiswa sebagai platform untuk melontarkan idea tentang dunia Islam pada hari ini serta membincangkan ucapan dasar dari tokoh terkemuka dunia Islam berkenaan peranan pendakwah muda.

"Ia turut mengaitkan masalah umum dan khusus masyarakat Islam seperti di Syria, Rohingya, Palestin dan sebagainya.

"Seminar pula, merupakan pembentangan kertas kerja oleh tokoh-tokoh ilmuwan yang mana menfokuskan kepada beberapa skop yang dipilih iaitu tasawwuf, ekonomi dan pendidikan," katanya.

Program terbabit turut bakal menampilkan intelektual dalam dan luar negara seperti Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri; Setiausaha Majlis Pengawasan Syariah Bank Islam Malaysia, Mohd. Nazri Chik; Timbalan Pengarah Institusi Wasatiyyah Malaysia, Dr. Musyaddad Hasbullah; Pensyarah Pusat Kajian Lanjutan Islam Sains dan Tamadun UTM, Prof Dr. Khalif Muammar A. Harris serta tetamu khas pengasas Pesantren Moden Gontor Ponorogo, Dr. Hamid Fahmy Zarkasyi.

Mereka yang berminat untuk sertai boleh membeli tiket pendaftaran dengan harga RM60 dengan menghubungi Firdaus (018-2348507), Syafiqah (014-5112978) dan Rasyidah (013-3762570).

Sebarang maklumat program boleh layari <http://iydc.usim.edu.my/> atau akaun Facebook *International Youth Daie Convention-IYDC*.



AFIQ FARHAN